

SYARAT DAN PERATURAN KEAHLIAN BADAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID CAHAYA IMAN Bandar Country Homes, Rawang

1. Syarat Keahlian

Keahlian Badan Khairat Kematian Masjid Cahaya Iman adalah terbuka kepada individu yang memenuhi syarat berikut:

- Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap beragama Islam.
- Berumur **18 tahun ke atas**.
- Bermastautin dalam Kariah Masjid Cahaya Iman atau kawasan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Khairat.
- Mengemukakan permohonan melalui **Sistem E-Khairat**.
- Membayar yuran pendaftaran dan yuran tahunan yang ditetapkan.
- Semua maklumat yang diberikan hendaklah benar dan lengkap.

2. Keahlian Meliputi

Setiap keahlian adalah bagi **satu isi rumah**.

Ahli boleh mendaftarkan tanggungan berikut:

- Suami / Isteri
- Anak kandung
- Anak angkat yang sah di sisi undang-undang
- Anak belum berkahwin berumur bawah 23 tahun atau masih belajar sepenuh masa
- Anak OKU (tiada had umur) yang mempunyai Kad OKU yang sah
- Ibu bapa kandung yang tinggal serumah
- Ibu bapa mertua yang tinggal serumah

Semua tanggungan hendaklah tinggal sebumbung dengan ahli utama.

3. Pendaftaran dan Yuran

Cadangan baharu:

Perkara	Bayaran
Pendaftaran Kali Pertama	RM20.00
Yuran Tahunan	RM30.00

(Tertakluk kepada persetujuan Ahli Lembaga Tadbir Masjid Cahaya Iman)

4. Tempoh Kelayakan

Keahlian hanya berkuat kuasa selepas:

- bayaran diterima sepenuhnya; dan
- tamat tempoh matang selama **30 hari** daripada tarikh pembayaran.

Sebarang kematian yang berlaku sebelum tamat tempoh matang tidak layak menerima manfaat kecuali diputuskan sebaliknya oleh Jawatankuasa (Biro) Khairat.

5. Pembaharuan Keahlian

Yuran tahunan hendaklah dijelaskan sebelum tarikh yang ditetapkan (3 bulan setiap awal tahun).

Kegagalan memperbaharui keahlian menyebabkan:

- keahlian digantung;
- manfaat khairat tidak boleh dituntut sepanjang tempoh tunggakan.

Ahli yang gagal menjelaskan yuran keahlian tahunan melebihi **dua belas (12) bulan** akan **terhenti secara automatik** daripada menjadi ahli Badan Khairat Kematian ini. Ahli yang keahliannya telah luput tidak lagi berhak menerima sebarang bantuan kewangan atau manfaat yang disediakan oleh badan ini.

Mana-mana bekas ahli yang ingin menyertai semula badan ini hendaklah membuat pendaftaran semula dengan menjelaskan **wang pendaftaran sebanyak RM20.00** dan **yuran keahlian tahunan sebanyak RM30.00**, tertakluk kepada syarat dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

6. Pembatalan Keahlian

Keahlian boleh dibatalkan sekiranya:

- gagal membayar yuran tahunan;
- memberikan maklumat palsu;
- memalsukan dokumen tuntutan;
- menyalahgunakan kemudahan Badan Khairat;
- melakukan perkara yang menjejaskan nama baik Badan Khairat.

Sekiranya keahlian terbatal, semua manfaat khairat akan terbatal serta-merta.

7. Kemaskini Maklumat

Ahli bertanggungjawab memastikan maklumat berikut sentiasa dikemas kini:

- alamat
- nombor telefon
- tanggungan
- status perkahwinan
- kematian tanggungan
- pertukaran waris atau ahli utama.

Semua kemas kini hendaklah dibuat melalui **Sistem E-Khairat Masjid Cahaya Iman**.

8. Manfaat Keahlian

Ahli yang layak akan menerima:

- ✓ Pengurusan jenazah
- ✓ Khidmat mandi jenazah
- ✓ Kain kafan
- ✓ Solat jenazah
- ✓ Talqin
- ✓ Kenderaan jenazah (tertakluk polisi)
- ✓ Pengurusan pengebumian
- ✓ Bantuan kewangan mengikut kadar semasa sekiranya pengkebumian dibuat di luar Tanah Perkuburan Bandar Country Homes ataupun luar kariah (tertakluk kepada polisi Badan Khairat).

9. Caj Pengurusan Jenazah

PAKEJ A

Bukan Ahli Khairat (Warganegara)

Perkhidmatan	Caj Dewasa	Caj Kanak-Kanak
Mandi Jenazah	RM300	RM150
Kain Kafan & Peralatan	RM200	RM100
Solat Jenazah	RM50	RM50
Talqin	RM50	RM50
Kenderaan Jenazah	RM100	RM100
Caj Pengurusan	RM350	RM100
Penggali Kubur	RM450	RM250
Jumlah	RM1,500	RM800

PAKEJ B

Ahli Khairat (Warganegara)

Perkhidmatan	Nilai
Ditanggung Sepenuhnya Oleh Biro Khairat Mengikut Syarat Keahlian	PERCUMA

Permit tanah perkuburan adalah tertakluk kepada dasar pengurusan tanah perkuburan yang berkuat kuasa.

PAKEJ C

Bukan Warganegara

Perkhidmatan	Caj
Pengurusan Jenazah	RM1,500
Pengurusan Kubur	RM1,000
Jumlah	RM2,500

PAKEJ D

Bukan Ahli (Dikebumikan di luar Bandar Country Homes)

Perkhidmatan	Caj
Mandi Jenazah	RM300
Kain Kafan	RM200
Solat	RM50
Kenderaan Jenazah	Rujuk Pada Jadual
Caj Pengurusan	RM100
Jumlah	RM650

JADUAL PENGGUNAAN VAN JENAZAH

Bil	Kawasan	Bayaran (RM) Untuk Ahli	Bayaran (RM) Bukan Ahli
1	Kawasan Bandar Country Homes dan disekelilingnya (sekitar 0 hingga 50km sehala)	a) Sewa Van - Percuma b) Pemandu - Percuma c) Meter - Percuma d) Bayaran tambahan - Tiada	a) Sewa Van – RM20 b) Pemandu – RM80 c) Meter - RM0.90/km d) Bayaran tambahan – Tiada
2	Kawasan Luar dari Bandar Country Homes (sekitar 51km hingga 250km sehala - perjalanan sehala kurang dari empat jam)	a) Sewa Van - Percuma b) Pemandu - RM50 c) Meter - RM0.45/km d) Bayaran tambahan - Tiada	a) Sewa Van – RM20 b) Pemandu – RM80 c) Meter - RM0.90/km d) Bayaran tambahan - RM150
3	Kawasan Luar dari Bandar Country Homes (sekitar 251km hingga 700km sehala - perjalanan sehala lebih dari empat jam)	a) Sewa Van - Percuma b) Pemandu - RM150 c) Meter - RM0.45/km d) Bayaran Tambahan - RM100	a) Sewa Van - RM50 b) Pemandu - RM150 c) Meter - RM0.90/km d) Bayaran Tambahan - RM250

10. Tuntutan Manfaat

Semua tuntutan hendaklah disertakan:

- Salinan Sijil Kematian.
- Salinan Kad Pengenalan waris.
- Salinan Permit Tanah Kubur.
- Dokumen lain yang diperlukan oleh Biro Khairat.

Ini juga selaras dengan peruntukan dalam undang-undang tubuh sedia ada mengenai syarat tuntutan bantuan.

11. Kuasa Jawatankuasa

Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Cahaya Iman mempunyai kuasa untuk:

- meluluskan atau menolak permohonan;
- menyemak semula kadar yuran;
- meminda kadar bantuan;
- membuat pengecualian dalam kes-kes khas atas dasar kebajikan;
- mentafsir mana-mana peraturan yang tidak dinyatakan dalam polisi ini.